

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
DI SUNGAI PETANI  
DI NEGERI KEDAH MALAYSIA  
TUNTUTAN NO. : TTPM-K-(B)-165-2022**

**ANTARA**

**WONG WAI YANN**

**... PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**AS JAYA MOTORSPORT SDN. BHD**

**... PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**FAKTA KES**

Pihak yang menuntut (PYM) telah membeli sebuah motosikal Benelli model TNT135 dari Pihak Penentang (PP) pada 23/05/2022. Jurujual PP telah memaklumkan kepada PYM bahawa motosikal tersebut merupakan motosikal baharu. PYM telah membayar keseluruhan harga motosikal tersebut berjumlah RM 7,400.00 secara pemindahan wang perbankan atas talian ke dalam akaun PP. Merujuk kepada Sijil Pemilikan Kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, motosikal Benelli model TNT135 no. pendaftaran VHW 32XX telah didaftarkan atas nama PYM pada 23/05/2022.

Selepas 4 hari masih belum mendapat motosikal yang dibeli, PYM mula mengesyaki ada masalah dengan motosikal tersebut. PYM menghubungi jurujual dan dimaklumkan meter retak. PYM cuba mendapatkan kepastian samada motosikal yang dibeli ini adalah motosikal baharu atau yang terpakai dan jurujual masih menyatakan bahawa ianya adalah motosikal baharu.

Pada 30/05/2022 PP menghantar motosikal tersebut kepada PYM. Setelah diperiksa oleh PYM, didapati ada kesan calar pada badan motosikal, reflector pecah dan meter rosak tidak berfungsi menunjukkan gear yang dimasukkan. Motosikal tersebut dibawa balik oleh PP dan dikembalikan kepada PYM pada 31/05/2022.

Pada 01/06/2022 PYM mendapati petrol bocor dari motosikal kerana throttle body rosak. Pekerja PP telah datang mengambil motosikal tersebut untuk dihantar ke Pulau Pinang untuk dibaiki. Berikutan kerosakan-kerosakan pada motosikal baharu yang dibeli ini disamping keadaan tayar motosikal yang telah tamat tempoh, PYM meminta jurujual memberitahu PP untuk menggantikan motosikal tersebut dengan sebuah motosikal yang baharu. PYM enggan mengambil motosikal yang telah siap dibaiki.

PP tidak bersetuju untuk menggantikan motosikal yang dibeli dan didaftarkan atas nama PYM tersebut dengan sebuah motosikal yang baru. PP telah menghubungi syarikat pengeluar motosikal Benelli di Malaysia dan telah dimaklumkan bahawa mereka tidak lagi memasang motosikal Benelli model TNT135 dan pemasangan terakhir adalah pada tahun 2021. PP telah menjual motosikal Benelli model TNT135 yang baharu kepada PYM dan bukannya motosikal terpakai. Motosikal tersebut

merupakan pemasangan tahun 2017 dan dijual dengan harga murah kerana motosikal tersebut merupakan stok yang lama. Harga semas adalah RM 8,900.00 dan harga jualan kepada PYM adalah RM 7,400.00 sahaja termasuk insuran dan cukai jalan.

Motosikal yang dibeli oleh PYM masih dalam jaminan/warranty selama 2 tahun atau 20,000 km yang mana dahulu bermula dari tarikh pendaftaran mosikal pada 23/05/2022. PP telah membuat tuntutan jaminan/warranty dimana segala kerosakan telah dibaiki dengan penggantian alat ganti yang baharu termasuk menukar tayar yang baharu oleh pihak pengilang dan motosikal tersebut sudah siap dibaik pulih sepenuhnya.

### **ISU YANG BERBANGKIT**

Samada terma-terma jaminan/warranti terpakai dan masih berkuatkuasa.

### **KEPUTUSAN TRIBUNAL**

Setelah mendengar keterangan dari PYM dan PP, Tribunal mendapati atasimbangan kebarangkalian bahawa terma-terma jaminan/warranty adalah terpakai dan masih lagi berkuatkuasa dalam transaksi jualbeli antara PYM dan PP bermula dari 23/05/2022.

Oleh yang demikian Tribunal memberikan Award Borang 10 Selepas Pendengaran seperti berikut :

- 1) PP dikehendaki menghantar motosikal PYM jenis Benelli TNT135 nombor pendaftaran VHW 32XX ke kilang untuk dibuat

pemeriksaan kerosakan dalam masa 2 minggu dari tarikh Award Borang 10;

- 2) PP dikehendaki membaiki sebarang kerosakan yang terdapat pada motosikal PYM sekiranya ada, sebelum menyerahkan motosikal kepada PYM;
- 3) Semua kos yang terlibat untuk pengangkutan dan pembaikan akan ditanggung oleh PP.

Bertarikh : 19 Oktober 2022

T.T  
**HAIRUL AZAM HASSAN**  
**PRESIDEN**  
**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA**